



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEBERKESANAN TEATER MEMBACA TERHADAP LITERASI AWAL SEBUTAN BAHASA MELAYU KANAK-KANAK DI TADIKA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ABDUL HAQ BIN ABDUL RASHID

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



KEBERKESANAN TEATER MEMBACA TERHADAP LITERASI AWAL SEBUTAN BAHASA MELAYU KANAK-KANAK DI TADIKA

ABDUL HAQ BIN ABDUL RASHID



DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
(MOD KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025





Sila tanda (✓)
 Kertas Projek
 Sarjana Penyelidikan
 Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
 Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 22 (hari bulan) DISEMBER (bulan) 2025.

i. Perakuan pelajar :

Saya, ABDUL HAQ BIN ABDUL RASHID , M20241000560, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KEBERKESANAN TEATER MEMBACA TERHADAP LITERASI AWAL SEBUTAN BAHASA MELAYU KANAK-KANAK DI TADIKA adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya





pustaka.upsi.edu.my


Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah


PustakaTBainun


ptbupsi

ABDUL HAQ BIN ABDUL RASHID

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESOR MAD DR. AZIZAH BINTI ZAIN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KEBERKESANAN TEATER MEMBACA TERHADAP LITERASI AWAL SEBUTAN BAHASA MELAYU KANAK-KANAK DI TADIKA

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

22 DISEMBER 2025

Tarikh


 Tandatangan Penyelia



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: KEBERKESANAN TEATER MEMBACA TERHADAP LITERASI AWAL SEBUTAN
BAHASA MELAYU KANAK-KANAK DI TADIKA

No. Matrik /:
Matric's No.: M20241000560

Saya / I am: ABDUL HAQ BIN ABDUL RASHID
 (Nama Pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut: -
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik Universiti Pendidikan Sultan Idris.
The Thesis/Dissertation/Project Paper is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan rujukan dan pendidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and education.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The library has the right to make copies of the thesis/Dissertation/Project Paper for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below: -

/	AKSES TERBUKA OPEN ACCESS	Saya bersetuju bahawa Tesis/Disertasi/Kertas Projek boleh diterbitkan sebagai salinan fizikal atau akses terbuka dalam talian. <i>I agree that the Thesis/Dissertation/Project Paper may be published as a physical copy or open access online.</i>
	*TERHAD *LIMITED	Mengandungi maklumat terhad seperti yang dinyatakan oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan dijalankan. <i>(Perpustakaan akan menyekat akses sehingga ____ tahun).</i> <i>Contains restricted information as specified by the organization/institution where the research was conducted.</i> <i>(Library will restrict access until ____ years).</i>
	*SULIT *CONFIDENTIAL	Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. <i>Contains confidential information under the Official Secrets Act 1972.</i>
	EMBARGO	Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini tertakluk kepada tempoh embargo selama 2 tahun atas sebab-sebab berikut: <i>This Thesis/Dissertation/Project Paper is subject to an embargo period of 2 years for the following reasons:</i>

***Nota / *Notes:**

- i. Jika tiada pilihan yang ditandai, pilihan pertama akan dilaksanakan secara automatik.
If no option is marked, the first option will be automatically implemented.
- ii. Jika Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini dikategorikan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat dari pihak berkuasa/organisasi yang berkaitan dengan menyatakan alasan dan tempoh tesis ini perlu diklasifikasikan sebagai **TERHAD** atau **SULIT**. / *If the Thesis/Dissertation/Project Paper is categorized as CONFIDENTIAL or LIMITED, kindly attach a letter from the relevant authority/organization stating the reason and duration for the thesis should be classified as LIMITED or CONFIDENTIAL.*

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh/Date: 22 DISEMBER 2025

(Tandatangan Penyeleksi
& (Nama & Cop Rasn

PROF. MADYA DR. AZIZAH ZAIN
 PENSYARAH KANAK
 JABATAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK
 FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
 UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
 TANJUNG MALIM, PERAK.

Tarikh/Date: 22 DISEMBER 2025

PENGHARGAAN

Bismillahir Rahmaanir Rahim Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam dan selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad S.AW. Alhamdulillah, syukur dipanjatkan kehadiran Ilahi atas limpah kurnia dengan nikmat, rezeki dan kesabaran yang dianugerahkan kepada saya untuk menyiapkan tesis ini.

Kepada Umi dan Ayah yang dikasihi, Puan Nor'Aidah Abu dan Encik Abdul Rashid Kamsani yang nan sentiasa mendoakan hingga tiada penghujungnya buat saya menjalani kajian ini supaya menjadikan diri terus kuat bertahan agar dapat menyelesaikan pengajian dalam peringkat Sarjana. Sokongan adik beradik telah menjadi pendorong untuk terus berjuang meneruskan cita-cita murni ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia, Prof. Madya Dr. Azizah Zain yang memberi bimbingan, tunjuk ajar, cadangan dan semakan yang jitu kepada saya sehinggalah kajian dan penulisan ini berjaya disempurnakan.

Tidak lupa juga, jutaan terima kasih khas untuk Encik Mohd Hafizan Musa bersama Puan Shahariah Ariff yang banyak memberi tunjuk ajar, nasihat, cadangan dan sokongan yang tidak putus serta bernas sehingga saya dapat menyelesaikan kajian ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr Amir Zahari yang sentiasa membantu dalam urusan sepanjang keberadaan saya di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim. Moga Allah sahaja dapat membalas jasa baik kalian semua.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan, Shafinaz binti Ahmad Anis Batrisyia Putri binti Mohd Nizam yang tidak letih memberikan semangat dan mengingatkan segala kelelahan ini mempunyai kemanisan di hujung hari. Semoga Allah memberikan kita semua kemanisan dalam menuntut ilmu.

Akhir kata, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyempurnakan tesis ilmiah ini. Segala jasa baik kalian tidak mungkin terbalas dan semoga Allah jua yang mampu membalasnya.

Syukur Alhamdulillah. Tahniah Abdul Haq.



ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk menilai tahap keberkesanan kaedah Teater Membaca dalam meningkatkan tahap literasi awal sebutan Bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak di tadika. Kajian ini mempunyai tiga objektif khusus, iaitu mengenal pasti tahap literasi awal sebutan Bahasa Melayu sebelum pelaksanaan Teater Membaca, menilai perubahan tahap literasi selepas pelaksanaan kaedah tersebut, serta menganalisis perbezaan signifikan antara skor ujian pretest dan posttest. Kajian ini dijalankan menggunakan reka bentuk eksperimen kuasi dengan pendekatan kuantitatif yang melibatkan seramai 37 orang murid daripada negeri Melaka dan Johor sebagai sampel kajian. Instrumen penilaian yang digunakan guru dalam mengukur tahap sebutan murid sebelum dan selepas intervensi Teater Membaca. Analisis data menggunakan ujian- t berpasangan dan statistik deskriptif hasil daripada dapatan yang diperolehi. Dapatan menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam tahap literasi awal sebutan Bahasa Melayu selepas pelaksanaan Teater Membaca yang mencatatkan peningkatan skor min, 20.87 kepada 25.39 dalam posttest. Keputusan ujian-t juga mencatatkan perbezaan yang signifikan ($t = -15.659$, $p < .001$), yang membuktikan keberkesanan penggunaan Teater Membaca. Dapatan yang diperolehi juga disokong dengan teori Behaviorisme, Sosiobudaya Vygotsky dan Konstruktivisme yang menegaskan pengulangan, interaksi sosial dan pembinaan makna yang aktif semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Konklusinya, kajian ini menunjukkan bahawa Teater Membaca antara salah satu pedagogi yang boleh digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dalam meningkatkan literasi awal sebutan Bahasa Melayu kanak-kanak dan boleh digunakan secara meluas dalam pendidikan awal kanak-kanak.



ABSTRACT

This study was conducted to examine the effectiveness of the Readers' Theatre method in improving early literacy in Malay language pronunciation among kindergarten children. A quasi-experimental design with a quantitative approach was carried out, involving 37 pupils from Melaka and Johor. The study aimed to identify students' initial pronunciation literacy levels, changes based on the implementation of Readers' Theatre, and determine significant differences between pre-test and post-test scores. Teacher-administered assessment instruments were used to measure pronunciation performance before and after the intervention, and data were analysed using descriptive statistics and paired-sample t-tests. The findings revealed a significant improvement in pupils' early pronunciation literacy, with mean scores increasing from 20.87 in the pre-test to 25.39 in the post-test. The paired t-test results indicated a statistically significant difference ($t = -15.659$, $p < .001$), confirming the effectiveness of the Readers' Theatre approach. These results are supported by Behaviorist, Sociocultural, and Constructivist theories, which highlight the importance of repetition, social interaction, and active meaning construction in language learning. Overall, the study concludes that Readers' Theatre is an effective pedagogical strategy for enhancing early Malay pronunciation literacy and has strong potential for widespread application in early childhood education.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

1.0 PENGENALAN

Bab ini mengandungi beberapa aspek penting iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, kajian objektif, soalan-soalan dalam kajian yang dijalankan dan kepentingan bagi menjalankan kajian. Selain itu, kerangka konseptual digunakan dalam kajian turut dibincangkan dalam bab ini. Bab ini diakhiri dengan beberapa definisi istilah yang digunakan dalam kajian serta rumusan bab.

1.1. LATAR BELAKANG KAJIAN

Kanak-kanak ditakrifkan sebagai kanak-kanak dibawah umur 18 tahun. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), kanak-kanak ialah budak lelaki atau perempuan yang masih kecil, kebiasaannya mereka yang belum berumur lebih daripada 7 atau 8 tahun. Kenyataan ini juga disokong oleh Md Isa dan Abu Bakar (2021) bahawa kanak-kanak dirujuk sebagai individu yang berada di dalam fasa tumbesaran dari kelahiran sehingga mencapai usia remaja, yang dianggap sehingga mencapai umur 12 tahun. Kenyataan had umur kanak-kanak ini juga selari daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (2023). Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak, mentakrifkan kanak-kanak ialah setiap manusia dibawah umur lapan belas tahun.

Perkembangan kanak-kanak dinilai daripada pelbagai aspek. Melalui Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2017), kanak-kanak dinilai perkembangan mereka melalui aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Di dalam dokumen rasmi ini, ada enam tunjang yang dititikberatkan bagi memastikan setiap perkembangan ini berkembang seiring dengan umur mereka. Tunjang tersebut merupakan Tunjang Komunikasi, Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai, Tunjang Kemanusiaan, Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika, Tunjang Perkembangan Awal Matematik dan Pemikiran Logik dan Tunjang Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Melalui tunjang yang dilaksanakan, pelbagai dimensi dilihat dalam perkembangan kanak-kanak, termasuk aspek kognitif, bahasa, motor dan sosial. Seperti kajian yang dijalankan oleh Nahar dan Rosly (2024) melalui Indikator Kemahiran Literasi Awal (IKLA), penguasaan bahasa dan literasi kanak-kanak dalam usia 3 hingga 5 tahun penting dalam membentuk pemahaman dan kompetensi dalam komunikasi mereka.



Perkembangan literasi di dalam perkembangan tumbesaran kanak-kanak menjadi satu proses berterusan yang bermula sebelum pendidikan formal diberikan kepada kanak-kanak ini. Ini disokong oleh Liew dan Gonzalez (2023), proses pengukuhan pembacaan dan penulisan merupakan asas kepada pembelajaran sepanjang hayat dan penglibatan bersama masyarakat. Kemunculan literasi kepada kanak-kanak berlaku secara berterusan tanpa prasyarat mengenal huruf. Pembinaan literasi terbina secara bersepadu antara kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis dan berfikir. Kenyataan ini disokong oleh Putu Cahyani, I. Nyoman Utama, dan I. Gede Dewantara, pembentukan linguistik kanak-kanak dipengaruhi daripada persekitaran mereka seperti Bahasa yang didengari dalam komunikasi harian dan paparan media yang memperkembangkan pemahaman kanak-kanak secara interaktif.

Kanak-kanak yang mempunyai perkembangan bahasa dan komunikasi yang baik pastinya memiliki kemahiran literasi awal yang kukuh daripada segi pertuturan dan pembacaan yang baik. Kemahiran membaca dan menulis perlu ditekankan dalam kalangan kanak-kanak selari dengan dengan Dasar Pendidikan Negara. Kanak-kanak perlu memahirkan dan menguasai kemahiran membaca, memahami dan menulis ayat menulis mudah sepertimana yang boleh dilihat di dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Melalui perkembangan ini, kanak-kanak akan lebih berkeyakinan dalam berkomunikasi untuk memastikan mereka berjaya menguasai kemahiran membaca dan menulis.

Namun, ada dalam kalangan kanak-kanak di tadika yang masih mempunyai masalah literasi dalam Bahasa Melayu dengan baik. Ini disokong oleh data yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2024), dimana seramai 45, 465 orang pelajar Tahun 1 masih belum menguasai kemahiran literasi membaca. Melihat kepada jumlah ini, kita dapat melihat bahawa masalah ini sangat membimbangkan dalam kalangan kanak-kanak kerana kemahiran membaca menjadi asas yang sangat penting dalam menyediakan mereka ke arah pendidikan terbaik.

Permasalahan ini terjadi dengan perubahan gaya hidup dan dan pendedahan terhadap teknologi yang giat berkembang kepada kanak-kanak. Kepesatan dalam evolusi teknologi mengubah interaksi sosial kanak-kanak dan persekitaran pembelajaran mereka. Kebanyakan daripada mereka mempunyai akses secara



terus kepada gajet dan media yang mendatangkan kebimbangan ibubapa tentang penggunaan tanpa panduan dan cara penggunaan yang betul boleh mengakibatkan gangguan kepada kesihatan dan kejahteraan kanak-kanak ini (Danovitch, 2024). Jika dilihat, kanak-kanak lebih cenderung kepada ketagihan gajet seperti telefon pintar, tablet dan kandungan media massa berbanding melakukan aktiviti yang melibatkan komunikasi secara lisan bersama ibubapa, keluarga dan rakan sebaya. Kenyataan ini disokong oleh Zailan dan Mohamad (2023), dimana ibu bapa perlu menjadi yang rapat dengan kanak-kanak kerana ibu bapa ialah individu yang hampir dengan anak-anak sejak mereka masih kecil dan jumlah masa yang diluangkan lebih lama berbanding orang lain. Dalam kejaran masa dan kepesatan teknologi, kebanyakan kanak-kanak mula didedahkan dengan penggunaan gajet sejak berusia 1-2 tahun. Abdul Jalil, Abu Bakar dan Hassan (2020) turut mengesahkan kenyataan daripada Datuk Dr Zulkifli Ismail selaku Pakar Perunding Pediatrik dan Kardiologi Pediatrik bahawa kanak-kanak dalam usia dua hingga lima tahun boleh diberikan pendedahan kepada gajet sekitar tempoh 30 minit dalam dua hingga tiga hari sekali. Namun melalui kekerapan ini, situasi ini boleh dilihat apabila anak-anak lebih leka menggunakan gajet apabila di restoran atau kedai makan.

sebagainya pula lebih menggunakan bahasa Inggeris dan dialek asing seperti slanga Indonesia. Pengaruh bahasa slanga dalam media sosial yang sangat ketara mendorong mereka yang sedang mempelajari bahasa terikut sama menggunakan bahasa slanga berbanding bahasa formal/ baku atau makna yang sebenarnya, tanpa menyedari istilah tersebut, terutamanya kepada kanak-kanak yang baru memulakan persekolahan (Fauziah, Safitri, Rahayu, & Hermawan, 2021). Najitahnya, kanak-kanak lebih aktif dan petah dalam berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian dan menjadikan kosa kata Bahasa Melayu menjadi lemah dan bercampur dengan dialek/ slanga yang lain.

Tambahan, ibubapa juga menjadi salah satu pihak yang mencorakkan penguasaan Bahasa dalam kalangan kanak-kanak. Kecenderungan ibubapa yang menggunakan Bahasa Inggeris dalam medium komunikasi di rumah menjadikan Bahasa Melayu tidak ditekankan atau diberikan keutamaan dalam komunikasi. Kenyataan ini disokong oleh Hedzir, Muling dan Sembai Aban Abdullah (2022) bahawa ada dalam kalangan anak-anak yang tidak berminat untuk mempelajari subjek Melayu. Malah, kesibukan ibu bapa yang tidak meluangkan masa serta tidak menggunakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa pertuturan di rumah



memberikan impak penguasaan yang lemah dalam Bahasa Melayu dalam kalangan mereka. Dan apabila ianya berlaku secara berterusan, tahap literasi awal bahasa Melayu menjadi semakin lemah dan pembelajaran formal di sekolah akan terjejas.

Namun, pengenalan pendekatan melalui Teater Membaca boleh menjadi lebih kreatif dan seronok untuk dipelajari oleh kanak-kanak di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk bertutur dan menyebut dengan betul dalam Bahasa Melayu. Zahari, Amirul, Sarudin, and Amzah (2019), teater membaca boleh menjadi sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menyeronokkan kerana teater membaca bersifat bersepadu dalam pelaksanaannya yang menjadikan pelajar lebih aktif dan kreatif dalam melakonkan berdasarkan cerita tersebut. Di samping itu, teater membaca membolehkan potensi pelajar dicungkil bagi memastikan mereka lebih berkeyakinan. Gabungan pembacaan, lakonan dan ekspresi lisan yang lebih interaktif mampu meningkatkan kemahiran sebutan dan menarik minat kanak-kanak untuk menggunakan Bahasa Melayu dengan seronok dalam konteks yang betul.

1.2. PENYATAAN MASALAH

Literasi awal menjadi salah satu aspek perkembangan kanak-kanak yang dilihat di dalam tumbesaran mereka. Dengan penguasaan literasi yang kukuh, kanak-kanak akan lebih mahir dalam berkomunikasi sesama ahli keluarga dan rakan sebaya. Melalui keyakinan diri yang tinggi, kanak-kanak boleh memperkembangkan kemahiran membaca dan menulis mereka, terutamanya di dalam Bahasa ibunda, Bahasa Melayu.

Namun, masih terdapat juga sebahagian kanak-kanak yang mengalami kesukaran dalam menyebut perkataan yang betul di dalam pertuturan mereka. Antara faktor kesukaran dalam sebutan dipengaruhi oleh dialek/ slanga, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang tidak interaktif ataupun sesi pengajaran yang berpusatkan guru sahaja. Kenyataan ini disokong oleh Fauziah Nazir (2023) di dalam kajiannya yang mengenalpasti ada kanak-kanak yang mempunyai kesukaran dari segi sebutan apabila bertutur dalam bahasa Melayu ketika sesi pengajaran disebabkan unsur dialek/ slanga yang digunakan mereka dalam kehidupan seharian.

Selain itu, M. A. M. Zahari (2022) juga menyokong bahawa pendekatan pembelajaran secara aktif melalui aktiviti teater boleh meningkatkan motivasi murid serta menggalakkan penglibatan yang aktif semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.





Melalui pendekatan yang kreatif dan menyeronokkan yang digunakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran, minat dan perhatian kanak-kanak boleh ditambah bagi memastikan literasi sebutan mereka lebih jelas dan lancar. Antaranya ialah dengan penggunaan Teater Membaca yang menggabungkan aktiviti membaca, lakonan dan ekspresi muka dan lisan yang boleh memberikan pengalaman lebih menyeronokkan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Namun, berdasarkan penelitian yang dilakukan, kajian keberkesanan dalam penggunaan Teater Membaca dalam literasi awal sebutan Bahasa Melayu dalam peringkat tadika sangat terhad dan sukar untuk diperolehi.

Berdasarkan Laporan Awal Pencapaian Malaysia PISA 2022 (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2023, hlm. 56-58), kadar literasi umum di Malaysia mencapai sebanyak 95%, namun secara realiti yang boleh dilihat masih ada lagi murid yang tidak dapat membaca. Dapatan Keciciran Pendidikan Malaysia (2023) menunjukkan sebanyak 13 % (175, 305) murid tidak menguasai kemahiran asas dalam membaca yang menunjukkan ketidakserataan antara kadar celik huruf nasional dan keupayaan sebenar murid. Malaysia mencatatkan skor purata 388 mata dalam Literasi Bacaan berbanding 476 mata pada tahun 2018, jatuh sebanyak 27 mata purata OECD. Selain daripada itu, sekitar 42% murid di Malaysia mencapai tahap minimum untuk mengenal pasti teks, mencari maklumat dan membuat refleksi melalui teks yang diberikan. Kerunsingan ini ditambah apabila 0.2% murid tidak mencapai tahap kemahiran membaca aras tinggi. Kewujudan dalam faktor sosioekonomi dan lokaliti sekolah juga menjadi pengaruh dalam literasi bacaan dimana murid bandar mendahului murid luar bandar dengan bezaan (401 mata berbanding 389 mata). Perbezaan skor juga dapat dilihat daripada murid daripada SES tinggi (435 mata) berbanding SES rendah (357 mata).

Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti tahap literasi awal sebutan Bahasa Melayu kanak-kanak tadika sebelum pelaksanaan Teater Membaca dalam sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), mengukur perubahan tahap literasi selepas penggunaan Teater Membaca serta menyelidik samada ada perbezaan yang ketara dalam keputusan pra dan pasca yang akan dilakukan. Melalui kajian ini, diharapkan dapat memberikan idea kepada guru prasekolah untuk menggunakan pengajaran yang lebih berkesan dalam meningkatkan literasi awal sebutan Bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak.



1.3. TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan iaitu untuk menilai tahap literasi awal Bahasa Melayu kanak-kanak di tadika melalui penggunaan teater membaca. Kajian ini dilakukan dengan membuat penilaian tahap literasi awal sebelum teater membaca dilaksanakan, penilaian tahap literasi selepas pelaksanaannya serta menganalisis keputusan ujian pra dan pasca literasi awal sebelum Bahasa Melayu kanak-kanak selepas pelaksanaan kaedah teater membaca.

1.4. OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan untuk menangani isu yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak seperti yang dinyatakan di dalam bahagian, tiga (3) objektif kajian telah dibina seperti di bawah :

- I. : Mengenal pasti tahap literasi awal sebelum Bahasa Melayu kanak-kanak di tadika sebelum pelaksanaan kaedah Teater Membaca
- II. : Menilai perubahan tahap literasi awal sebelum Bahasa Melayu kanak-kanak selepas pelaksanaan kaedah Teater Membaca
- III. : Menganalisis perbezaan yang signifikan antara keputusan ujian pra dan pasca literasi awal sebelum Bahasa Melayu kanak-kanak selepas pelaksanaan kaedah Teater Membaca.

1.5. PERSOALAN KAJIAN

Bagi menjawab objektif kajian yang dilakukan, terdapat tiga (3) persoalan kajian telah dibina:

- I. :Apakah tahap literasi awal sebelum Bahasa Melayu kanak-kanak di tadika sebelum pelaksanaan Teater Membaca?
- II. :Apakah tahap literasi awal sebelum Bahasa Melayu kanak-kanak di tadika selepas pelaksanaan kaedah Teater Membaca?
- III. :Adakah terdapat jurang yang signifikan dalam keputusan ujian pra dan pasca dalam literasi awal sebelum Bahasa Melayu kanak-kanak selepas pelaksanaan kaedah Teater Membaca?

1.6. HIPOTESIS KAJIAN

- H0 Tahap literasi awal sebutan Bahasa Melayu kanak-kanak tidak mempunyai perbezaan sebelum dan selepas pelaksanaan Teater Membaca
- H1 Tahap literasi awal sebutan Bahasa Melayu kanak-kanak mempunyai perbezaan sebelum dan selepas pelaksanaan Teater Membaca


1.7. KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Terdapat tiga teori asas dalam pendidikan awal kanak-kanak yang dikenali untuk menyokong kajian kuasi-eksperimen ini. Teori tersebut ialah pengulangan yang ditekankan dalam Teori Behaviorisme oleh B.F. Skinner, konsep Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) dan *scaffolding* daripada Teori Sosiobudaya Vygotsky, dan pembinaan makna secara aktif melalui Teori Konstruktivisme. Naskah yang digunakan dipilih dan penilaian terhadap penggunaan teater membaca dibina berdasarkan tiga teori ini bagi menilai keberkesanan kaedah teater membaca dalam meningkatkan literasi awal sebutan. Kajian yang dilakukan mempunyai dua fasa, *pretest* dan *posttest* bagi mengukur tahap perubahan pencapaian murid-murid selepas teater membaca dilaksanakan.

Teori Behaviorisme yang diasaskan oleh B.F Skinner menekankan proses pembelajaran yang melibatkan pengulangan, latihan yang berstruktur dan peneguhan kepada aktiviti yang dilakukan. Di dalam konteks literasi sebutan, murid-murid akan membentuk proses pengulangan yang betul melalui latihan yang berulang dan maklum balas yang segera daripada guru. Proses pembelajaran juga akan menjadi lebih baik dengan adanya interaksi sosial yang disokong oleh Vygotsky melalui konsep ZPD dan *scaffolding* yang memberikan bimbingan secara bertahap daripada guru kepada murid atau rakan sebaya yang lebih mahir untuk mencapai tahap perkembangan bahasa di peringkat yang tertinggi. Pembelajaran yang aktif melalui teori Konstruktivisme membantu murid-murid untuk membina pengetahuan melalui pengalaman yang dialami. Dalam literasi sebutan, murid akan menjalani penerokaan kepada bunyi, intonasi dan makna perkataan yang dipelajari secara praktikal, contohnya melalui pelaksanaan teater membaca yang melibatkan lakonan secara terus dan dialog yang dilontarkan.

Ketiga-tiga teori ini digabungkan untuk membentuk satu kerangka konseptual kajian. Dimana aplikasi teater membaca yang dibentuk akan dinilai berdasarkan kepada peniruan sebutan, lakonan dialog dan latihan bertahap.

Gambar rajah 1.1 dibawah menerangkan pelaksanaan kerangka konseptual yang dinyatakan di dalam pelaksanaan Teater Membaca untuk sesi *post-test* kajian



1.8. DEFINISI OPERASIONAL

1.8.1. Tadika

- Tadika merujuk kepada institusi pendidikan awal kanak-kanak yang menyediakan pembelajaran asas bagi murid berumur antara 4 hingga 6 tahun sebelum memasuki pendidikan formal di sekolah rendah. Kurikulum dan aktiviti di tadika dirancang bagi membantu kanak-kanak membina kemahiran asas seperti literasi, numerasi, komunikasi serta kemahiran sosial yang diperlukan untuk menghadapi persekitaran pembelajaran yang lebih formal (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2025)
- Dalam konteks kajian ini, tadika ialah premis pendidikan formal awal bagi kanak-kanak sebelum mereka memasuki sekolah rendah.

1.8.2 Teater Membaca

- Teater Membaca merupakan pedagogi kurikulum yang melibatkan aktiviti pembacaan skrip dengan pertunjukan lakonan yang melibatkan gerak tubuh, intonasi, ekspresi dan emosi berdasarkan naskhah. Teater Membaca menekankan latihan sebutan, kelancaran membaca, kefahaman, serta keyakinan berkomunikasi melalui gabungan bacaan dan pementasan. Ia bertujuan menjadikan proses pembelajaran bahasa lebih bermakna, interaktif dan menyeronokkan (Zahari, M. A. M., Amirul, A. A., Sarudin, A., & Amzah, F., 2019)
- Dalam konteks kajian ini, teater membaca merupakan pendekatan yang digunakan oleh pengkaji, melibatkan pembacaan skrip sambil melakonkan watak berdasarkan skrip dan pergerakan tubuh badan, intonasi dan ekspresi.

1.8.3 Dialek/ Slanga

- Bahasa slang adalah bahasa gaul atau bahasa tidak rasmi yang banyak digunakan oleh remaja atau kelompok sosial tertentu dalam kehidupan sehari-hari (Margiyanti & Yuliyanto, 2021)
- Dalam konteks kajian ini, dialek/ slang ialah bahasa tidak formal yang digunakan dalam komunikasi seharian.

1.8.4 Literasi Awal

- Literasi awal merujuk kepada kemahiran asas membaca, menulis dan berbahasa yang mula berkembang sejak peringkat awal kanak-kanak, sebelum mereka memasuki pendidikan formal. Literasi awal meliputi kemahiran dalam mengenal huruf, memahami bunyi huruf, menyebut perkataan berdasarkan suku kata, kefahaman makna sesuatu perkataan dan menggunakan bahasa untuk berkomunikasi (Hussin, Mohamed Isa, & Mohd Basir, 2022)
- Dalam konteks kajian ini, literasi awal merujuk kepada kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak seperti kemahiran membaca mengikut huruf, suku kata dan perkataan yang diperolehi berdasarkan skrip pembacaan semasa pelaksanaan teater membaca.



1.8.5 Pedagogi

- Pendekatan, strategi dan teknik yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Ramdani, Fauziyyah, Fuadah, Rudiyono, Septiyaningrum, Salamatussa'adah, & Hayani, 2023).
- Dalam konteks kajian ini, pedagogi ialah cara yang digunapakai oleh pengkaji semasa sesi pelaksanaan teater membaca.

1.9. BATASAN KAJIAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan, instrument kajian direka khusus untuk peringkat prasekolah dan data dikumpul daripada dua buah sekolah yang mewakili dua negeri, iaitu tadika A di Melaka dan Tadika B di Johor. Enam soalan telah dibangunkan bagi membuat penilaian kepada prestasi murid melalui kaedah teater membaca yang dilaksanakan. Penilaian ini menjurus kepada aspek penting meliputi kejelasan sebutan huruf, sebutan suku kata, dan sebutan ayat pendek, di samping menilai intonasi serta nada suara murid ketika membaca. Selain daripada itu, instrumen ini juga menilai sejauh mana pengaruh dialek/ slanga mempengaruhi pertuturan murid, tahap keyakinan sewaktu bertutur dan respon daripada mereka terhadap pelaksanaan teater membaca. Semua aspek ini memberikan gambaran yang menyeluruh tentang keberkesanan teater membaca dalam meningkatkan kemahiran literasi awal murid-murid.

1.10.KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dilakukan diharapkan dapat memberikan sumbangan yang signifikan terhadap tahap literasi awal sebutan Bahasa Melayu dalam murid-murid di tadika pada masa kini. Melalui penggunaan instrumen yang dibangunkan khusus untuk kajian ini dan pelaksanaan penilaian yang berstruktur, kajian ini boleh menilai perkembangan kemahiran sebutan kanak-kanak. Dapatan yang diperolehi akan memperincikan sejauh mana pelaksanaan teater membaca dapat mempengaruhi perkembangan literasi daripada segi fonologi dan ketepatan dalam sebutan yang membolehkan pihak-pihak berkepentingan seperti Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), pihak pengurusan sekolah atau pentadbir pendidikan, guru ataupun pendidikan prasekolah, ibu bapa atau penjaga dan kanak-kanak. Secara keseluruhan, kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang proses pemerolehan literasi pada peringkat awal kanak-kanak dan



memberikan bukti empirikal yang menyokong keberkesanan teater membaca sebagai pedagogi yang interaktif dan berkesan di tadika.

1.11. RUMUSAN BAB

Secara keseluruhannya, bab ini menjelaskan asas utama kajian dengan menampilkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian serta persoalan kajian yang menjadi asas kepada keseluruhan kajian. Melalui kajian yang dijalankan, pengukuran tahap literasi awal sebutan Bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak di tadika dapat dibuktikan melalui tiga teori dalam pendidikan awal kanak-kanak yang melibatkan teori Behaviorisme, Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) dan Scaffolding, serta Konstruktivisme. Berpandukan kerangka teori ini, kajian telah merangka tiga objektif utama bagi menilai keberkesanan kaedah teater membaca sebagai pendekatan pedagogi dalam meningkatkan kemahiran sebutan dan literasi awal kanak-kanak prasekolah. Justeru, bab ini berfungsi sebagai asas konseptual yang kukuh bagi menyokong pelaksanaan kajian seterusnya serta memastikan analisis yang dilakukan adalah selaras dengan matlamat penyelidikan.

Pada bab seterusnya, Bab 2, perbincangan akan memfokuskan kepada sorotan literatur yang merangkumi teori, model serta kajian-kajian lepas yang menjadi asas tanda kepada kajian ini. Seterusnya, Bab 3 metodologi kajian akan dihuraikan secara terperinci, termasuk reka bentuk penyelidikan, kaedah pengumpulan data, serta teknik analisis yang digunakan dalam pembangunan kajian. Bab 4 pula membentangkan dapatan kajian diikuti dengan analisis yang komprehensif bagi menjawab persoalan kajian yang telah dinyatakan. Akhir sekali, Bab 5 akan merumuskan keseluruhan kajian dengan mengetengahkan signifikasi penemuan, membincangkan limitasi kajian, serta mencadangkan penambahbaikan dan arah tuju penyelidikan untuk masa hadapan.